

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN DOBI LAYAN DIRI**  
**KONSORMAS**

**16 FEBRUARI 2026 (ISNIN)**

**11.30 PAGI**

**MASJID SHARIFAH FATIMAH, JITRA, KEDAH**

---

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani  
dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita berhimpun pada hari ini bagi menyempurnakan satu lagi projek yang akan memberi nilai tambah kepada komuniti setempat iaitu **MAJLIS PERASMIAN DOBI LAYAN DIRI KONSORTIUM KOPERASI KARIAH MASJID MALAYSIA BERHAD (KONSORMAS)**
2. Saya ingin merakamkan tahniah kepada pihak KONSORMAS dan Koperasi Kariah Masjid Masjid Sharifah Fatimah Jitra Berhad atas inisiatif melaksanakan projek dobi ini. Usaha sebegini pastinya memberikan satu rangsangan kepada kadar perolehan koperasi di samping menyediakan perkhidmatan kepada ahli kariah yang hadir ke sini untuk menunaikan ibadah

### **Hadirin Yang Dirahmati**

3. Program Dobi Masjid di bawah Konsortium Koperasi Kariah Masjid

(KONSORMAS) telah berjaya dilaksanakan dengan pembukaan kemudahan dobi di beberapa lokasi termasuk Masjid At-Taqwa, Bertam, Pulau Pinang; Masjid Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor; serta Masjid Sharifah Fatimah, Jitra, Kedah.

4. Inisiatif ini bertujuan menyediakan perkhidmatan dobi yang mudah diakses dan mampu milik kepada komuniti setempat, khususnya jemaah masjid dan golongan memerlukan. Pada masa yang sama, projek ini membolehkan masjid menjana sumber pendapatan berterusan bagi menampung kos operasi, penyelenggaraan dan pelaksanaan program kebajikan serta pendidikan yang lain.
5. Untuk makluman di negeri Kedah, sehingga kini sebanyak 42 buah Koperasi Kariah Masjid telah berjaya didaftarkan daripada keseluruhan 588 buah masjid yang beroperasi. Ini

bermakna kita masih ada ruang yang cukup besar dalam pengembangan penubuhan koperasi kariah masjid bagi membuka ruang yang lebih luas bagi memperkukuh ekonomi masjid dan ummah.

6. Melalui penubuhan koperasi kariah masjid yang berstruktur dan pengurusan yang mampan, masjid bukan sahaja mampu menjalankan aktiviti ibadat dan kebajikan tetapi juga berfungsi sebagai institusi yang dapat membina kapasiti ekonomi komuniti serta mendidik ahli kariah dalam pengurusan perniagaan secara praktikal.

### **Hadirin yang dirahmati**

7. Melalui projek ini masyarakat dapat memanfaatkan perkhidmatan dobi yang efisien, mudah dengan harga berpatutan manakala koperasi pula dapat membina modal operasi serta

menyokong projek pembangunan masjid yang lain.

8. Melalui penjanaan keuntungan sebahagian hasil projek koperasi akan dikembalikan kepada masyarakat melalui penajaan majlis-majlis dan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid, seperti majlis sambutan Maulidur Rasul, kelas agama untuk kanak-kanak, program kebajikan untuk golongan memerlukan, aktiviti kesihatan komuniti, dan majlis perkahwinan atau kenduri masyarakat setempat.
9. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan keuntungan projek memberi impak sosial yang nyata, malah memperkukuh peranan masjid sebagai pusat pembangunan ummah. Kita mahu pastikan apa sahaja projek dijalankan membina keyakinan komuniti terhadap kemampuan koperasi dalam mengurus perkhidmatan yang memberi impak

positif kepada masyarakat secara keseluruhan.

## **Hadirin yang dirahmati**

10. Saya yakin projek dobi ini akan memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti setempat, meningkatkan penglibatan anggota koperasi serta memberikan peluang kepada masjid untuk menjana sumber kewangan berterusan bagi menyokong pelbagai aktiviti ekonomi, sosial dan pendidikan. Kejayaan projek sebegini juga menjadi contoh kepada koperasi lain dalam membangunkan projek berstruktur dan berimpak tinggi.
11. Saya ingin menyeru pihak pengurusan koperasi untuk memastikan projek ini diurus secara telus dan profesional melalui pemantauan berkala, laporan kewangan yang jelas dan penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan dalam memastikan projek ini sentiasa berkembang.

12. Akhir kata semoga projek ini menjadi model kejayaan kepada koperasi-koperasi lain dalam menggerakkan ekonomi komuniti secara mampan. Semoga inisiatif seperti ini terus memberi inspirasi kepada masyarakat untuk bersama-sama menyokong dan memanfaatkan koperasi kariah masjid demi kesejahteraan ummah.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS PERASMIAN DOBI LAYAN DIRI KONSORTIUM KOPERASI KARIAH MASJID MALAYSIA BERHAD (KONSORMAS).**

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.